



**PENGHARGAAN:** Dr Anwar (tiga kanan) menyampaikan anugerah penghargaan kepada Sudirman yang mewakili UPMKB.

## UPMKB terima Anugerah Citra Rakan Sinergi DBP

**BINTULU:** Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) menerima penghargaan berupa Anugerah Citra Rakan Sinergi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 2023 sempena perasmian Festival Bahasa Jiwa Bangsa 2024 di DBP Cawangan Sarawak di Kuching, kelmarin.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pengelola DBP Malaysia Datuk Dr Anwar Ridhwan kepada Ketua Pentadbir Pejabat Pengurusan Pendidikan dan Penyelidikan UPMKB Sudirman Asmadi.

Penyampaian anugerah itu

turut disaksikan Pengarah DBP Cawangan Sarawak Abang Haliman Abang Julai serta tetamu lain.

Anugerah itu adalah sebagai penghargaan atas usaha berterusan dan jalinan kerjasama UPMKB dan DBP dalam memartabatkan penggunaan bahasa Melayu.